



REMUK...keadaan dua kereta dalam kemalangan yang menyebabkan tiga maut.

Rintihan pilu minta tolong

Tiga maut dua kenderaan kemalangan Metro 25/1/2017

MS 5.

>>Oleh Iskandar Shah
Mohamed

iskandar@hmetro.com.my

MANTIN: "Sebaik terdengar bunyi letupan, saya melihat pemandu daripada dua kenderaan yang bertembung merintih meminta pertolongan.

"Melihat keadaan ngeri itu, saya membantu mengeluarkan empat penumpang termasuk kanak-kanak perempuan yang cedera," kata kakitangan Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd (Sains), Zakaria Mohd Fazir, 23, yang membaiki paip pecah bersama beberapa rakan lain menyaksi kemalangan di Jalan Mantin-Kajang, berdekatan Kolej

Tuanku Jaafar, dekat sini, semalam.

Dalam kejadian jam 12.30 tengah hari itu pasangan suami isteri berkenaan, Lim Fong Len, 70-an, dan Chong Yoon Ying, 56, dalam perjalanan ke rumah saudara mereka di Puchong, Selangor bagi meraikan perayaan Tahun Baru Cina.

Selain kedua-dua mangsa, kereta Toyota Vios dipandu anak lelaki mereka berusia lingkungan 30-an itu dinaiki menantu, 40-an dan cucu perempuan mereka berusia tiga tahun.

Kereta lima sekeluarga dari Mantin ke Kajang itu berlanggar dengan kereta Proton Saga dari arah bertentangan menyebabkan kedua-dua pemandu tersepit.

Kemalangan itu mengakibatkan pemandu kereta Proton Saga, Tee Chan Hen, 23, mati di tempat kejadian.

Pasangan suami isteri terbabit pula disahkan meninggal dunia ketika diberikan rawatan di Klinik Kesihatan Mantin dan Hospital Tuanku Jaafar Seremban.

Sementara itu, jurucakap polis berkata, pihaknya masih menyiasat punca kejadian dan ketiga-tiga mayat mangsa dibawa ke Bilik Mayat HTJS untuk bedah siasat.

Ketua Polis Daerah Nilai, Superintendan Mohd Yusoff Awang mengesahkan menerima laporan mengenai kejadian berkenaan.